



KEMASKINI PERKEMBANGAN COVID-19

Subang Jaya, 19 Oktober 2020

Setelah mengumumkan seorang warga kerja disahkan positif jangkitan COVID-19 pada 14 Oktober 2020, PROTON kini mengumumkan 49 lagi kes telah dikesan. Semua pekerja yang terlibat adalah daripada bahagian Kejuruteraan dan telah dilaporkan kepada pihak berkuasa. Buat masa ini, semua pekerja yang tidak perlu hadir secara fizikal di kilang PROTON Shah Alam telah diarahkan untuk bekerja dari rumah. Pihak syarikat akan terus mengikuti langkah-langkah pembasmian yang disyorkan sambil mengambil tindakan yang lebih ketat untuk mengurangkan penularan wabak ini. Aktiviti pengesanan kontak sedang dijalankan dan pasukan khas COVID-19 akan memantau situasi terkini secara terperinci.

PROTON ingin menekankan bahawa pihak syarikat akan terus mengikuti semua garis panduan dan prosedur yang disyorkan dengan ketat. Ini telah diamalkan semenjak wabak ini menular dalam negeri. Semua pekerja yang berhadapan dengan pelanggan perlu mengikuti langkah keselamatan dan Pusat Servis Kecemerlangan (COSE) serta bilik pameran Crystal melakukan pembasmian kuman pada setiap jam. PROTON juga bekerja rapat dengan pihak berkuasa yang telah memberikan panduan kepada syarikat berkaitan dengan semua proses dan mereka juga berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil buat masa ini. Keselamatan semua pekerja PROTON, para pelanggan dan rakyat Malaysia akan sentiasa kekal sebagai keutamaan PROTON.

-Tamat-

Mengenai PROTON

PROTON Holdings Bhd bermula sebagai projek kereta nasional pertama di Malaysia, yang diasaskan dengan tujuan memajukan pembangunan ekonomi Malaysia dan mewujudkan asas yang kukuh untuk industri automotif tempatan. Pada tahun 2017, PROTON bergerak ke fasa seterusnya untuk menjadi jenama automotif moden dan bertaraf global melalui kerjasama antara DRB-HICOM dan Zhejiang Geely Holding Group. Hari ini, PROTON terus menarik minat pelanggannya dengan penghasilan kereta yang menepati janji jenamanya iaitu '*Inspiring Connections*' dan berdiri teguh dengan nilai terasnya untuk sentiasa mementingkan Teknologi Inovatif, Kobolehpercayaan dan bertaraf Antarabangsa.

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:

Bahagian Kumpulan Komunikasi Koporat, PROTON

- Faisal Shah di hp: 019-321 8897 / tel: 03-8026 9389 / faisalshah@proton.com
- Jaylyn Yvonne at di hp: 012-973 3137 / tel: 03-8026 9328 / Jaylyn@proton.com
- Amy Lim di hp: 012-698 9189 / tel: 03-8026 9670 / aimee@proton.com